

**KOSA KATA ARKAIK DARI *UYU'NASO ANAK DI LONG PASIA:*  
SATU KAJIAN KETERANCAMAN BAHASA LUNDAYEH**  
*Archaic Vocabulary from Uyu' Naso Anak in Long Pasia:*  
*A Study of the Threats of the Lundayeh Language*

<sup>1</sup>\*FRANK DAWAT YUSIA

<sup>2</sup>KAVITHA GANESAN

<sup>3</sup>JANE WONG KON LING

<sup>4</sup>ANANTHA RAMAN GOVINDASAMY

<sup>1,2,3 & 4</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Corresponding author: <sup>1</sup>fdymeiamgem@yahoo.com;

mu1911006t@student.ums.edu.my

Dihantar: 2 Nov 2022, Penambahbaikan: 22 Feb 2022, Diterima: 8 Apr 2022, Terbit: 28 Jun 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3379>

**Abstrak** *Uyu'* atau lagu mendodoi anak merupakan salah satu jenis tradisi lisan rakyat bagi masyarakat etnik Lundayeh. Isi kandungan *uyu'* penuh dengan unsur nasihat, lambang sosiobudaya, nilai kepahlawanan dan falsafah. Namun, *uyu'* mula dilupakan khasnya dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menghidupkan semula tradisi lisan dengan membuat penelitian kepada kandungannya. Untuk kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada kosa kata arkaik golongan kata kerja dari *uyu' naso anak* di Long Pasia. Pengkaji telah menggunakan pendekatan dengan kajian kualitatif melalui kaedah kajian lapangan dan temu bual bagi menghasilkan dokumentasi kosa kata arkaik golongan kata kerja dari *uyu' naso anak* melalui kajian kepada tiga generasi (datuk nenek, ibu bapa dan kanak-kanak). Seterusnya, data akan dianalisis menggunakan skala keterancaman bahasa UNESCO (2009), edisi yang menetapkan tahap bahaya sedikit berbeza daripada edisi sebelumnya. Terminologi baharu ini adalah berdasarkan rangka kerja *Vitality* dan *Endangerment* Bahasa UNESCO yang menetapkan enam darjah daya hidup atau bahaya berdasarkan sembilan faktor. Dapatan kajian mendapati bahawa generasi kanak-kanak kehilangan kosa kata paling tinggi, apabila menyatakan 10 daripada 27 kosa kata kerja adalah arkaik. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak sudah tidak menuturkan bahasa warisan di rumah. Seharusnya, *uyu'* etnik Lundayeh mesti dipergiatkan kerana mengandungi pelbagai unsur bahasa, selain melambangkan sosiobudaya, falsafah dan

nilai masyarakat. Langkah mengaplikasikannya adalah salah satu usaha untuk memperkasa dan melestarikan kosa kata bahasa yang hampir pupus agar terus diwarisi generasi ke generasi.

**Kata kunci:** *Uyu'*, etnik Lundayeh, kosa kata arkaik, golongan kata kerja, keterancaman bahasa.

**Abstract** “*Uyu*” or song lullaby is a type of folk oral tradition in the Lundayeh ethnic community. The content of “*uyu*” is full of elements of advice, socio-cultural symbols, heroic values, and philosophy. However, “*uyu*” is gradually being forgotten, especially among the younger generation. Therefore, this study was conducted to revive the “*uyu*” oral tradition by examining its content. In this study, the researchers focused on the archaic vocabulary of the verbs from “*uyu’ naso anak*” in Long Pasia. The researchers adopted a qualitative research using field research methods and interviews to produce archaic vocabulary documentation of verbs from “*uyu’ naso anak*” through a study of three generations (grandparents, parents and children). Next, the data were analyzed using the UNESCO language risk scale (2009), the edition of which sets the level of danger slightly different than the previous edition. This new phrasing depends on the UNESCO Language Vitality and Endangerment framework that sets six degrees of vitality or danger based on nine factors. The findings of the study found that the children (younger generation) has lost the highest vocabulary, when stating 10 out of 27 vocabularies were archaic. Thus, this indicates that the children no longer speak the heritage language at home. The Lundayeh ethnic “*uyu*” must be promoted because it contains various elements of language other than community values. One of the efforts to strengthen and preserve the vocabulary of a language that is almost extinct is through application to ensure the language continues to be inherited from generation to generation.

**Keywords:** *Uyu’, Lundayeh ethnicity, archaic vocabulary, verb groups, language vulnerability.*

## PENGENALAN

Muhammad Haji Salleh (2006), menjelaskan masyarakat Asia Tenggara berkongsi banyak amalan lisan dan melihatnya sebagai akar kepada cara hidup. Norjietta Julita Taisin (2015) menyatakan bahawa di Sabah terdapat ramai golongan berumur dari pelbagai etnik di Sabah yang masih mempraktikkan amalan tradisi lisan ini seperti mitos dan cerita rakyat. Selain itu, genre lisan bukan bercorak cerita seperti puisi tradisional dan nyanyian rakyat. Namun, Ariffin Said (2004) menyebutnya sebagai khazanah yang hilang kerana kedudukannya (kesusasteraan rakyat) kini seolah-olah “hidup segan, mati tak mahu”. Perkembangan kesusasteraan rakyat terutamanya lagu-lagu rakyat semakin hilang dan lenyap kerana kurangnya usaha untuk mengumpul, mendokumentasi dan mengetengahkan.

Berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini dilakukan dengan menjadikan tradisi lisan sebagai sumber kajian untuk mendapatkan senarai kosa kata kerja arkaik. Namun, hanya salah satu genre daripada tradisi lisan etnik Lundayeh iaitu *uyu'* atau lagu mendodoi anak yang masih dipraktikkan turun-temurun dari generasi ke generasi hingga sekarang.

Memperkenalkan sastera lisan etnik Lundayeh, Ricky Yakub Ganang *et al.* (2016) menyatakan sastera lisan atau disebut *buek* dalam Bahasa Lundayeh ialah kata-kata halus yang diungkapkan secara lisan dan menggabungkan wacana atau nyanyian yang mempunyai bahasa yang indah. *Buek* etnik Lundayeh adalah sangat penting dalam kebanyakan aspek kehidupan mereka. Daripada fungsi sesebuah *buek* etnik Lundayeh kita boleh menentukan jenisnya, sama ada itu adalah *buek* hiburan, mantera, nyanyian, menyambut kepulangan pahlawan, teka-teki, deklarasi dan ratapan.

Jayl Langub (1992) membahagikan tradisi lisan Lundayeh/Lun Bawang kepada tiga kategori, iaitu *serita mon*, *laba'* dan *buek*. *Serita mon* merangkumi mitos dan legenda Lundayeh, penceritaan orang ghaib atau khayalan yang berkisar dengan gejala semula jadi atau sosial. *Laba* merangkumi keseluruhan sastera lisan Lundayeh. Ia akan mengambil

masa dalam satu ke dua jam untuk dilakukan, dan dilakukan dengan penuh gaya dan lelucon. *Buek* merangkumi sebahagian besar sastera yang dinyanyikan atau dilantunkan, potongan-potongan yang dinyanyikan yang mengandungi sejarah dan mitos, penghibur menggunakan kosa kata khusus dan kuno.

Yansen dan Ricky (2018) menjelaskan, tradisi lisan atau sastera lisan diturunkan oleh nenek moyang Dayak Lundayeh Idi Lun Bawang secara lisan sejak turun-temurun. Ricky Yakub Ganang *et al.* (2018) menyatakan sastera lisan adalah istilah yang luas, yang mungkin merangkumi teks ritual, nyanyian penyembuhan, puisi epik, genre muzik, cerita rakyat, cerita ciptaan, lagu, mitos, mantera, legenda, peribahasa, teka-teki, bahasa lidah, permainan kata, pengucapan, sejarah kehidupan atau naratif sejarah.

Secara ringkasnya, pengkaji menjadikan tradisi lisan sebagai sumber kajian kosa kata arkaik bagi menjelaskan keterancaman bahasa yang berlaku kepada bahasa etnik Lundayeh di Long Pasia.

## PENYATAAN MASALAH

Ethnologue (2020), menyimpulkan rata-rata bahasa ibunda penduduk asal Sabah berada pada paras terancam iaitu pada tahap 6B, di mana beberapa generasi di peringkat umur awalan tidak lagi bertutur dalam bahasa etnik asal penutur tetapi memilih dan menggunakan bahasa lain dalam komunikasi. Sa'adiah Ma'alip (2019) menyatakan pada kebiasaannya bahasa minoriti daripada sesuatu golongan masyarakat yang akan mengalami keancaman untuk pupus. Malah, sempena sambutan Hari Bahasa Ibunda/Pribumi Sedunia, Vincent D'Silva (2019) mencatatkan, menurut Profesor Dr Stefanie Pillai dari Universiti Malaya bahawa, terdapat lebih kurang 133 bahasa yang ditutur di Malaysia; 80% daripada bahasa-bahasa ibunda ini ditutur oleh masyarakat peribumi. Jika bahasa ibunda ini tidak ditutur dalam kalangan ahli keluarga dan komuniti itu sendiri, besar kemungkinan bahasa-bahasa ini akan hilang atau terus pupus. Profesor Pillai menambah lagi, tanggungjawab konservasi bahasa-bahasa ibunda yang semakin terancam ini bergantung kepada ahli komuniti itu sendiri. Penyataan ini menunjukkan sebagai etnik yang minoriti yang

ada di Sabah, Bahasa Lundayeh turut terancam. Berdasarkan pemerhatian, kini terdapat kanak-kanak etnik Lundayeh di Long Pasia tidak lagi fasih berbahasa Lundayeh, walhal mereka tinggal bersama-sama dengan ibu bapa, datuk dan nenek mereka yang sangat fasih berbahasa Lundayeh. Responden menjelaskan, punca masalah ini berlaku adalah anak-anak kurang mendapat pendedahan atau tunjuk ajar dari orang tua. Kekurangan komunikasi dalam Bahasa Lundayeh menyebabkan penutur kekurangan kosa kata bahasa Lundayeh. Oleh itu, kajian ini penting supaya dapat mengkaji tahap keterancaman bahasa Lundayeh secara terperinci dan sebagai langkah-langkah pelestarian pada masa akan datang.

Kajian ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada orang tua supaya mengajar dan memperturunkan kemahiran Bahasa Lundayeh kepada anak-anak mereka. Bagi memastikan Bahasa Lundayeh tidak pupus pada masa akan datang, maka melalui kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti dan mendokumentasikan kosa kata arkaik, kosa kata yang telah hilang dari perbendaharaan kata responden. Dokumentasi ini penting untuk dijadikan rujukan dan juga sumber kajian pada masa akan datang. Dapatkan daripada kajian ini menjadi inisiatif untuk melestarikan bahasa Lundayeh.

### SOROTAN KAJIAN

Kajian etnik minoriti ini, iaitu etnik Lundayeh tertumpu di bahagian selatan negeri Sabah. Beberapa orang pengkaji telah melakukan kajian tentang aspek-aspek kehidupan etnik Lundayeh, namun kajian dan dokumentasi tentang etnik ini masih sangat sedikit dan terhad. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menambah dokumentasi dan rujukan tentang etnik ini, namun kajian ini hanya akan memfokuskan kepada kosa kata arkaik sahaja, selari dengan kajian kepupusan bahasa yang menjadi fokus dalam kajian ini.

Antara pengkaji-pengkaji yang telah melakukan kajian tentang etnik Lundayeh adalah Ricky Yakub Ganang *et al.* (2016), Yansen T. P., dan Ricky Y.G (2018) dan S.M.D. Robert (2008). Ricky Yakub Ganang *et al.* (2016), melalui kajian yang bertajuk Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Lundayeh yang diterbitkan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri

Sabah, telah melakukan kajian dengan objektif untuk menghimpunkan maklumat dan fakta budaya etnik Lundayeh, untuk menonjolkan keunikan dan kelainan ciri-ciri budaya etnik Lundayeh, untuk memberi peluang kepada Persatuan Kebudayaan Lundayeh (PKLS) dan orang perseorangan untuk menyumbang dan mengetengahkan maklumat-maklumat dan ciri-ciri budaya etnik Lundayeh, untuk menghasilkan dokumentasi budaya selaras dengan usaha-usaha pemuliharaan, promosi dan pengayaan rujukan budaya di negeri Sabah merangkumi semua etnik untuk kegunaan dan rujukan. Metodologi kajian inventori budaya yang telah digunakan termasuklah kajian bahan bertulis, perpustakaan dan lawatan lapangan. Hasil daptan kajian yang telah dijalankan merangkumkan 15 aspek budaya etnik Lundayeh. Antaranya ialah aspek ketiga tentang sastera lisan etnik Lundayeh yang dibahagikan kepada enam jenis sastera lisan, iaitu puisi hiburan, mantera, nyanyian untuk menyambut kepulangan pahlawan, teka-teki, deklarasi dan juga ratapan.

Begitu juga Yansen T.P., dan Ricky Y.G (2018), dengan buku yang bertajuk *Dayak Lundayeh Idi Lun Bawang, Budaya Serumpun di Dataran Tinggi Borneo* yang diterbitkan oleh Lembaga Literasi Dayak, Palangka Raya, Indonesia, juga telah banyak membahas tentang gaya hidup lampau etnik Lundayeh di Sabah, Dayak di Kalimantan (Indonesia) dan Lun Bawang di Sarawak. Pada masa ini, buku ini boleh dikatakan buku yang memuatkan koleksi tradisi lisan terbanyak. Namun demikian, kajian mereka masih membahas tentang budaya serumpun di Dataran Tinggi Borneo, iaitu dengan mengetengahkan koleksi, hasil daptan kajian lapangan yang sudah dikumpul sejak sekian lama. Antara hasil kajian tersebut ialah mitos dalam budaya, penyebaran rumpun, pelbagai ragam budaya dalam komuniti dan tradisi lisan Dayak Lundayeh Idi Lunbawang.

S.M.D Robert (2008), pula telah menulis artikel bertajuk “Fonologi Bahasa Lundayeh.” Objektif kajian ini adalah mengkaji sistem bunyi bahasa Lundayeh atau yang disebut fonologi. Sebagai pengenalan, beliau menjelaskan tentang asal usul Lundayeh. Menurut beliau, seperti Murut, nama Lundayeh bukanlan nama yang diciptakan oleh golongan penutur ini sendiri tetapi nama yang diberikan oleh penduduk yang tinggal di pesisiran pantai di Sabah atau Sarawak untuk merujuk kepada kelompok

yang mendiami kawasan bukit dan pedalaman negeri Sabah. Jadi, kata *Dayeh* pada asalnya bermaksud hulu sungai, manakala *Lod* bermaksud hilir sungai.

Melalui kajian fonologi bahasa Lundayeh, beliau telah melakukan kajian kepada bunyi-bunyi bahasa Lundayeh yang berupa tiga jenis iaitu vokal, konsonan dan diftong. Di samping itu, beliau menjelaskan sebelum ini, satu kajian berkaitan vokal dan konsonan bahasa Lundayeh telah dihasilkan oleh Lees (1959) dalam *Lun Dayeh Phonemic* yang telah diubah suai oleh Crain (1970). yang menyatakan terdapat “6 vokal dan 22 konsonan termasuk konsonan pinjaman”. Namun, berdasarkan kajian penulis, mendapat terdapat 6 vokal, cuma 19 konsonan dan terdapat 6 diftong. Di akhir kajian, beliau mendapat bahawa sama seperti bahasa-bahasa yang lain, sistem bunyinya serupa dengan bahasa Melayu asli.

Memandangkan kajian yang dijalankan berkaitan dengan keterancaman bahasa, maka pengkaji telah merujuk beberapa kajian lepas seperti Bradley dan Bradley (2002), SIL (2017), Abdul Said Ambotang dan Raini Yusuf (2018), Sa'adiah Ma'alip (2019) dan lain-lain lagi.

Bradley dan Bradley (2002) melakukan kajian yang bertajuk *Language endangerment and language maintenance* yang menyatakan kematian bahasa bermaksud atau yang popular dipanggil dengan keancaman bahasa berlaku apabila kehilangan komponen utama identiti dan harga diri kumpulan itu menurukannya dan apabila kehilangan sebahagian besar pengetahuan budaya yang terkandung di dalamnya.

Ethnologue (2020), telah menyimpulkan rata-rata bahasa ibunda penduduk asal Sabah pada paras terancam iaitu pada tahap 6B, di mana beberapa generasi di peringkat umur awalan tidak lagi menutur bahasa etnik asal penutur tetapi memilih dan menggunakan bahasa lain dalam komunikasi.

Abdul Said Ambotang dan Raini Yusuf (2018) dalam artikel yang bertajuk “Amalan Bilingual: Alternative Terbaik Mengelakkan Kepupusan Bahasa Ibunda” menyatakan penggunaan bahasa kebangsaan secara

meluas sebagai bahasa pertuturan utama, telah menjadi ancaman kepada bahasa minoriti. Ancaman kepupusan bahasa ibunda tampak jelas ketika bahasa ibunda dipinggirkan dalam komunikasi ahli keluarga.

Sa'adiah Ma'alip (2019) dalam kajian di Melaka berkenan dengan Tahap Keterancaman Bahasa Masyarakat Kreol, beliau mendapati bahasa golongan masyarakat minoriti yang akan mengalami keancaman untuk pupus. Hasil daripada kajiannya, beliau menjelaskan bahawa kerana mereka tidak menggunakan bahasa ibunda tetapi mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris, maka bahasa ketiga-tiga masyarakat Kreol di Melaka telah semakin pupus. Adapun, itu hanya digunakan dalam kalangan ahli keluarga sahaja.

Semua dialek di dunia menghadapi keanehan penyelenggaraan dan kemajuan bahasa. Bahasa yang lebih lazim akan terus kekal dan berkembang mele过si garis negara negara dan mempunyai pilihan untuk memberi kesan kepada penutur di kawasan lain. Sebagai contoh, Crystal (2003) menyatakan bahasa Inggeris yang sebelum ini hanya dituturkan dalam kalangan individu Inggeris di Eropah, kini merupakan bahasa dunia yang paling menarik dengan cara ini mencapai status di seluruh dunia dan dilihat di setiap negara. Majidi (2013) menyatakan lebih-lebih lagi, bahasa Inggeris juga telah meluas ke seluruh dunia kerana ledakan teknologi maklumat yang telah mendorong masyarakat untuk berkomunikasi daripada skala yang berdekatan ke peringkat dunia. Kemajuan ini memberi manfaat kepada bahasa Inggeris sehingga dianggap sebagai bahasa kedua di majoriti negara bekas jajahan Inggeris sebelumnya.

Walau bagaimanapun, berkenaan dengan etnik minoriti, ledakan sumber ilmu dan teknologi maklumat yang sebahagian besarnya daripada bahasa Inggeris adalah satu ancaman peralihan bahasa. Menurut Ayan (2015), dialek minoriti sentiasa mempunyai kemungkinan ketahanan yang sangat minimum apabila dibezakan dengan keunggulan tinggi dialek yang lebih besar jumlahnya. Hal ini dipengaruhi oleh dasar bahasa kebangsaan serta faktor linguistik dan sosial yang membawa kepada peralihan bahasa. Seperti yang ditunjukkan oleh Fasol (1984), pengekalan bahasa mungkin berlaku dengan mengandaikan bahawa bahasa itu masih digunakan dengan

berkesan sehingga hari ini dan inisiatif mewariskan bahasa ibunda secara turun-temurun oleh generasi awal.

Lebih-lebih lagi, dialek yang tidak digunakan secara umum akan terjejas diancam kepupusan dan dalam jangka panjang bahasa itu akan terhapus jika penutur bersikap sambil lewa dengan tidak berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Kajian berkenaan pengekalan dan perubahan bahasa oleh Hotma, Simanjuntak (2017) di Pontianak, Indonesia, memerhatikan bahawa bahasa Batak Toba mengalami peralihan. Kajian yang berdasarkan domain, khasnya domain kekeluargaan, pekerjaan pendidikan, aktiviti sosial dan keagamaan memberi menggambar tentang peralihan dan pengekalan kepada bahasa tersebut. Hal yang pasti ialah bahasa Batak Toba yang jarang digunakan di Pontianak telah mengalami peralihan, sebaliknya Bahasa Indonesia mengelami pengekalan. Walaupun pada hakikatnya tumpuan mereka hanya ke atas kumpulan Batak Toba yang merupakan minoriti di Pontianak, tetapi dari bahagian kajian sosiolinguistik, fenomena peralihan dan pengekalan bahasa adalah satu disiplin yang penting untuk menjamin ketahanan bahasa etnik.

Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Harishon Radzi (2019) pula melakukan kajian peralihan bahasa etnik minoriti ke atas masyarakat Cham, Perak - Pulau Pinang - Kedah. Kumpulan ini asalnya datang daripada keturunan Cham Kemboja dan Cham Vietnam yang telah bermastautin di Malaysia sejak 1970-an. Kerangka teori bagi kajian ini bergantung kepada analisis domain penggunaan bahasa oleh Fishman (1972) dan teori mobiliti sosial oleh Paulston (1994). Penemuan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa menunjukkan perbezaan dalam skor penggunaan bahasa antara generasi dalam ketiga-tiga domain, dengan menyimpulkan penggunaan semakin merosot adalah pada generasi kedua, manakala atas faktor mobiliti sosial, penggunaan bahasa Melayu dalam domain keluarga, kejiranan dan perniagaan semakin mendominasi.

Chong, Hendrikus dan Collins (2018) turut melakukan kajian pemilihan bahasa dalam kalangan Penan Muslim di Sabah, iaitu di Kampung Jambatan Suai, Sungai Suai yang beragama Katolik dan Kristian. Dapatan kajian ini mendapat Bahasa Bintulu menjadi imej keperibadian Kristian,

Bahasa Dusun dalam hal interetnik dan Bahasa Penan digunakan silih berganti. Penemuan ini telah menjadi kajian yang baharu tentang konsep masuk Melayu yang berkaitan dengan peralihan kepada Bahasa Melayu.

Kajian yang sama berkenaan dengan etnik minoriti oleh Sa'adiah Ma'alip (2014) pula berkenaan dengan fenomena peralihan dan pengekalan bahasa minoriti di kawasan penempatan etnik Che Wong di Kuala Gandah, Pahang. Fokus kajian adalah mendapatkan data berkenaan dengan pemilihan bahasa dan keadaan peralihan bahasa dalam masyarakat ini. Berdasarkan maklumat yang telah diteliti, etnik tersebut masih mengekalkan penggunaan bahasa etnik mereka dan turut tahu menggunakan bahasa Melayu standard sesuai dengan konteks dan fungsi.

Kajian lepas berkenaan kata arkaik turut dirujuk kerana kajian ini berkenaan dengan kajian kosa kata arkaik. Antara kajian tersebut adalah kajian oleh Nathesan (2009) dengan kajian beliau yang bertajuk “Arkaisme Dalam Bahasa Melayu: Suatu Tinjauan dari Aspek Kosa Kata dalam Teks Klasik” dan Salbiah *et al.* dalam Suraya *et al.* (2019) yang bertajuk “Pelestarian Kata Arkaik Dalam Dialek Melayu Saratok.”

Dalam kajiannya, Nathesan (2009) telah meneliti kosa kata arkaik dalam teks “Sejarah Melayu, Hikayat Malim Deman dan Hikayat Hang Tuah.” P.H. Matthews (1997) merujuk Oxford Concise Dictionary of Linguistics, kata arkaik merujuk kepada bentuk dan penggunaan yang sudah lapuk atau memilik bentuk bahasa yang digunakan dahulu. Beberapa daripada kata arkaik dalam teks klasik kini sudah digunakan dalam bahasa Melayu baku setelah mengalami perubahan bentuk. Antaranya termasuk *adiah, kebiri, musara, samuha, dan warita* yang kini berubah menjadi *hadiah, kembiri, sara, semua* dan *berita*.

Salbiah *et al.* dalam Suraya *et al.* (2019) dengan artikel bertajuk “Pelestarian Kata Arkaik dalam Dialek Melayu Seratok,” mengetengahkan kajian yang bertujuan mengenal pasti kosa kata arkaik dalam kategori kata nama yang masih digunakan dan yang telah mati serta mengenal pasti perubahan kosa kata arkaik tersebut dalam dialek Melayu Saratok (DMSr). Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif

dengan kajian deskriptif dan kajian lapangan huluhan, yang mana informan merupakan sumber data yang utama. Pengumpulan data adalah melalui temu bual dan bercerita dengan informan yang terdiri daripada 9 orang. Hasil daripada kajian yang dijalankan, beliau menyatakan kosa kata arkaik merupakan kosa kata yang tidak digunakan lagi pada masa kini. Walaupun digunakan, ia telah mengalami perubahan dari aspek makna dan digantikan dengan perkataan yang seerti. Menurut beliau, kata-kata yang telah mati tersebut adalah *budan*, *dasan*, *engkalan*, *jendot*, *terokok* dan *tubang*. Kata arkaik yang mengalami perubahan makna ialah *beran* dan *kandoi*.

Kajian tentang kosa kata lama sudah mendapat perhatian para pengkaji tempatan dan luar negara khususnya dalam bidang linguistik sejarawi. Kosa kata yang digunakan oleh William Shakespeare pernah diteliti oleh Crystal (2008) dalam bukunya *Think of My Words: Exploring Shakespeare's Language*, Crystal meneliti kosa kata yang pernah digunakan oleh Shakespere. Crystal mendapati bahawa kosa kata yang digunaan oleh Shakespeare itu terdiri daripada pelbagai jenis perkataan, termasuk kata mudah, kata sukar, kata lama dan baharu serta kata yang baharu dicipta. Crystal berpendapat bahawa kosa kata oleh Shakespeare boleh di fahami secara keseluruhannya sekarang, walaupun bahasa tersebut pernah digunakan pada masa lampau, iaitu abad ke-17.

Beberapa orang pengkaji tempatan turut mengkaji kosa kata lama Melayu. Antara kajian tersebut termasuklah kajian oleh Asmah Hj Omar (1991) dan Rahim Aman (1997). Asmah Hj Omar (1991) telah mengkaji sebilangan perbendaharaan kata yang digunakan dalam *Aqa'id Al Nasafi*, iaitu salah sebuah teks lama yang disusun pada abad ke-16.

Antara kata yang diteliti termasuklah *samuha*, *pinta* dan *keliaran*. Kata-kata ini tidak lagi digunakan dalam bahasa Melayu baku pada hari ini kerana sudah lenyap dalam peredaran zaman. Rahim Aman (1997) pula telah mengkaji kosa kata yang pernah digunakan dalam Kamus Bowrey yang disusun pada tahun 1796. Antara kosa kata yang diteliti termasuklah kata *addy*, *bakool*, *cacapa*, dan *chomoo*. Kesemua kata ini kini tidak terdapat dalam bahasa Melayu baku sekarang dan termasuk dalam kategori kosa kata arkaik dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan kajian lepas di atas, maka pengkaji telah menjana kajian baharu yang mempunyai kelainan dari kajian sebelumnya, yang memfokuskan kajian kosa kata arkaik bahasa Lundayeh dari *Uyu Naso Anak* sebuah tradisi lisan Lundayeh, bagi menjelaskan tentang kepupusan atau keterancaman bahasa dalam kalangan tiga generasi etnik Lundayeh. Kata arkaik yang akan dikaji hanya golongan kata kerja sahaja. Kajian terhadap kata arkaik tersebut perlu dilakukan kerana seperti maknanya kata-kata ini akan menjadi usang, kuno atau sesuatu yang bersifat lama atau sebagai kata yang ‘*old-fashioned*’ yang tidak terdapat dalam penggunaan pada masa sekarang atau yang diertikan dalam konteks bahasa, sebagai sesuatu perkataan atau rangkai kata yang tidak digunakan lagi atau yang hilang daripada penggunaannya.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap keterancaman bahasa responden melalui kajian kosa kata arkaik dari *Uyu Naso Anak*.

## METODOLOGI

Menurut Sa’adiah Ma’alip (2019), metodologi kajian dengan kata lain merupakan kaedah terbaik untuk diaplikasikan dalam sesuatu kajian, yang dapat menentukan tatacara yang efisien dalam merungkai permasalahan yang diutarakan. Memandangkan fokus kajian tentang situasi bahasa dalam kalangan etnik Lundayeh, maka pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kajian kualitatif deskriptif sesuai dengan objektif untuk mendeskripsi kosa kata arkaik. Bagi mendapatkan data pengkaji menggunakan teknik kombinasi soal selidik, temu bual struktur separa dan pemerhatian. Responden kajian merupakan dari etnik Lundayeh dari Long Pasia, yang terdiri daripada sembilan (9) orang yang dipilih secara rawak dari tiga golongan generasi.

Tempoh pelaksanaan soal selidik, temu bual dan pemerhatian hanya mengambil masa seminggu kerana bilangan responden hanya 9 orang. Kumpulan pertama dari generasi kanak-kanak seramai 3 orang, kumpulan kedua generasi ibu-bapa, 3 orang dan kumpulan ketiga generasi

datuk-nenek juga tiga (3) orang. Pemilihan responden adalah berdasarkan kriteria seperti yang dinyatakan Asmah Haji Omar (2008) dan Chambers dan Trudgill (1990) seperti berumur 50 tahun ke atas, menetap lama di tempat kajian, gabungan lelaki dan perempuan agar saling melengkapi dan lokasi kajian terletak di luar bandar bagi mengekalkan ciri keaslian dan ketulenan bahasa.

Sumber data kajian merupakan kosa kata kerja dari sebuah *uyu' naso anak*, sebuah lagu mendodoikan anak. Bagi mengumpul data, pengkaji telah menggunakan instrumen kajian seperti borang senarai semak dan alat perakam audio-visual ketika melakuka pemerhatian, temu bual dan soal selidik. Dalam hal ini, pengkaji mengkaji kewujudan kosa kata arkaik dalam kalangan tiga generasi responden etnik Lundayah. Namun, skopnya diperkecilkan dengan melihat kosa kata arkaik golongan kata kerja sahaja dari *uyu' naso anak*. Data yang berjaya dikumpul telah didokumentasikan dengan memberiuraian tentang makna dan penggunaannya sebagai usaha pelestarian kata, dan dengan harapan akan bermanfaat untuk dapat digunakan sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

Bagi mengenal pasti tahap bahaya dan faktor keterancaman bahasa responden, temu bual telah dilakukan mengikut generasi. Respons dari responden telah dianalisis dan ditafsir berdasarkan kerangka kerja UNESCO (2009) yang dipetik daripada <http://www.unesco.org/languages-atlas/> UNESCO Atlas of the Worlds Languages in Danger, yang memperkenalkan skala edisi sekarang yang menetapkan tahap bahaya sedikit berbeza daripada edisi sebelumnya. Terminologi baru ini adalah berdasarkan rangka kerja Daya Vital dan Bahaya Bahasa UNESCO yang menetapkan enam darjah daya hidup/bahaya berdasarkan sembilan faktor.

Daripada faktor-faktor ini, yang paling ketara ialah penularan antara generasi. Kerangka kerja ini dipilih kerana pernah digunakan dan tidak asing bagi pengkaji-pengkaji. Misalnya, Sa'adiah Ma'alip (2019), dalam kajian bertajuk Tahap Keterancaman Bahasa menggunakan Teori Vitaliti Bahasa UNESCO (2009) dalam kalangan Masyarakat Kreol di Melak dan M. Paul Lewis dan Gary F. Simons (2010) dalam *Assessing Endangerment: Expanding Fishman's GIDS*. Mereka turut menjelaskan

tentang teori vitaliti bahasa UNESCO yang telah dikembangkan tahapnya kepada bahaya 6 peringkat.

**Jadual 1**  
*Rangka kerja UNESCO (2009)*

Tahap	Bahasa Pengantaraan Antara Generasi
Selamat	Sebuah bahasa itu dituturkan oleh semua generasi; tiada gangguan dalam penurunan bahasa antara generasi ke generasi
Stabil namun terancam	Kebanyakan kanak-kanak boleh bercakap ses sebuah bahasa itu tetapi ia mungkin terhad kepada domain tertentu (misalnya domain rumah)
Pasti terancam	Kanak-kanak sudah tidak menggunakan bahasa ibu di rumah
Amat terancam	Sebuah bahasa itu hanya dituturkan oleh datuk dan nenek moyang, manakala generasi ibu bapa mungkin hanya memahaminya, mereka tidak bercakap kepada dengan anak-anak atau dalam kalangan mereka sendiri
Terancam secara kritikal	Generasi penutur terdiri daripada datuk dan nenek dan generasi yang lebih tua dan mereka tidak menguasai bahasa ibu mereka dan menggunakan sebahagiannya sahaja
Pupus	Tiada lagi penutur yang tinggal

### ANALISIS DAN DAPATAN

Bagi analisis dan dapatan kajian, pengkaji mengutarakan rumusan berupa jadual dengan kandungan berupa kosa kata arkaik dari *uyu' naso anak* mengikut generasi datuk-nenek, ibu-bapa dan kanak-kanak, berserta penyataan faktor-faktor yang menyebabkan keterancaman bahasa responden berdasarkan skala UNESCO (2009).

#### A. KOSA KATA ARKAIK GOLONGAN KATA KERJA

Setelah melakukan temu bual dan analisis data, secara ringkasnya didapati telah ada kosa kata golongan kata kerja dari *uyu' naso anak* yang sudah menjadi arkaik. Jadual 2 menunjukkan kosa kata arkaik mengikut generasi, merupakan rumusan hasil temu bual dan perbincangan dengan responden yang dapat menjelaskan bilangan kosa kata arkaik mengikut generasi.

## Jadual 2

### Kosa kata arkaik mengikut generasi

Bil	Kosa kata kerja	TANDAKAN (/) BAGI KOSA KATA ARKAIK									Catatan
		Generasi anak-anak			Generasi ibu bapa			Generasi datuk-nenek			
RESPONDEN		A1	A2	A3	B1	B2	B3	C1	C2	C3	
1.	<i>Nangi</i> - nangis										Sebab menanda kosa kata sebagai arkaik:  i. Tidak pandai bahasa Lundayeh. Di rumah dan di sekolah hanya menggunakan Bahasa Malaysia.  ii. Tidak lagi melakukan perbuatan atau pekerjaan tersebut. Contohnya: <i>tufeh</i> (menumbuk padi) sekarang menggunakan mesin giling padi.  iii. Alat yang digunakan sudah tidak ada lagi atau digunakan lagi. Contohnya: <i>Ruding</i> (sejenis alat muzik yang dimainkan dengan mulut)  iv. Menggunakan kosa kata gantian yang sama makna. Contohnya: <i>Muu</i> digantikan dengan <i>ngasa</i>
2.	<i>Ngeranih</i> - mengetam										
3.	<i>Museh</i> - marah										
4.	<i>Ine</i> - pergi										
5.	<i>Ne'ruseg</i> - bergegas	/	/	/	/	/	/				
6.	<i>Tufeh</i> - menumbuk	/	/	/							
7.	<i>Nganup</i> - memburu	/	/	/							
8.	<i>Ngalap</i> - mengambil										
9.	<i>Nubu</i> - membesarkan										
10.	<i>Meroot</i> - bermain										
11.	<i>Silatok</i> - melompat-lompat	/	/	/	/	/	/				
12.	<i>Ngeruding</i> - bermain ruding	/	/	/	/	/	/				
13.	<i>Maman</i> - menghidang										
14.	<i>Muu</i> - melayan	/	/	/	/	/	/				
15.	<i>Ngemung</i> - mengumpul										
16.	<i>Nemudut</i> - dibuat										

17.	<i>Feringidang - berjemur</i>	/	/	/								
18.	<i>Nui - mendirikan</i>	/	/	/								
19.	<i>Mutuh - minta</i>											
20.	<i>Ilap - diambil</i>											
21.	<i>Umak - menumpang</i>											
22.	<i>Ngeret - menyembelih</i>											
23.	<i>Nanga - membungkus</i>	/	/	/								
24.	<i>Kulat - bangun</i>											
25.	<i>Tumui - bangun</i>											
26.	<i>Ferisanang - berhibur</i>	/	/	/								
27.	<i>Maya - mengikut</i>											
Peratus mengikut responden		37%	37%	37%	15%	15%	15%	0%	0%	0%		
Peratus mengikut generasi		37%			15%			0%				

Daripada Jadual 2, terdapat lebih kurang 27 jenis kata kerja dikenal pasti daripada keseluruhan kandungan *uyu' naso anak* yang telah digunakan. Berdasarkan temu bual dengan responden, pengkaji mendapati terdapat kosa kata golongan kata kerja yang sudah menjadi arkaik dan sudah hilang dari kosa kata responden. Namun, bilangannya berbeza-beza mengikut generasi.

## Generasi Kanak-kanak

Bagi generasi kanak-kanak, mencatat jumlah dan peratus tertinggi menyatakan kosa kata sudah menjadi arkaik. Responden A1 menyatakan 10 kosa kata kerja merupakan kosa kata kerja arkaik daripada 27 kosa kata kerja yang diberikan. Bermakna, 37 % kosa kata sudah menjadi

arkaik. Hal yang sama juga berlaku kepada responden A2 dan A3. 10 kosa kata yang sudah menjadi arkaik bagi responden A1, A2 dan A3 (Generasi kanak-kanak) adalah *tufeh, ngeruding, nganup, nui, nanga, ferisanang, feringidang, ne'ruseg, muu* dan *silatok*. Mereka menyatakan, sebabnya adalah mereka lemah dalam berbahasa Lundayeh. Sejak kecil mereka jarang berkomunikasi dalam bahasa Lundayeh. Di rumah dan di sekolah mereka hanya menggunakan bahasa lain sebagai bahasa utama, seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain itu, mereka menyatakan, mereka tidak pernah melakukan pekerjaan atau perbuatan yang dinyatakan.

### **Generasi Ibu Bapa**

Bagi generasi ibu-bapa (Responden B1, B2 dan B3), menyatakan 4 daripada 27 kosa kata sudah menjadi arkaik atau bersamaan dengan 15%. Kosa kata tersebut adalah *muu, ngeruding, silatok* dan *ne'ruseg*. Walaupun jumlah dan peratusan tersebut masih kecil, tetapi ia menunjukkan kewujudan kosa kata arkaik. Mereka menyatakan sebab kosa kata menjadi arkaik kerana mereka tidak lagi melakukan perbuatan atau pekerjaan yang disebutkan. Contohnya:

- I. *tufeh* atau menumbuk padi dengan lesung. Pada masa ini, mereka beralih menggunakan alat yang lebih moden dan canggih, iaitu mesin giling padi, menyebabkan perbuatan *tufeh* sudah tidak dilakukan lagi.
- II. *Ruding* iaitu sejenis alat muzik *flute* yang diperbuat daripada buluh yang dimainkan dengan memetiknya di mulut. Alat muzik ini tidak lagi digunakan kerana beralih kepada peralatan muzik yang lebih moden.

Mereka juga menyatakan kosa kata tersebut telah digantikan dengan kosa kata lain yang mempunyai maksud yang sama. Contohnya:

- I. *Muu* digantikan dengan *ngasa* yang bermaksud memberi makan tetamu yang datang.
- II. *Silatuk* digantikan dengan *ufut* yang bermaksud melompat.

- III. *Ne'ruseg* digantikan dengan *gang-gang* yang bermaksud bergerak dengan cepat.

Walaupun jarang menggunakan kosa kata tersebut dalam pertuturan, mereka masih faham dan mengetahui maksudnya.

### **Generasi Datuk-Nenek**

Generasi datuk-nenek pula menyatakan semua kosa kata yang disebut merupakan kosa kata yang biasa, yang masih diketahui dan digunakan. Namun, mereka akan menggunakan apabila berkomunikasi dengan sesama generasi mereka. Mereka juga menyatakan jarang menggunakan lagi kerana terdapat kosa kata yang berkaitan dengan peralatan dan pekerjaan yang sudah tidak digunakan dan dilakukan pada masa kini. Kesimpulannya, kehadiran kosa kata arkaik memberi gambaran keadaan bahasa tersebut mulai terancam atau sudah di ambang kepupusan terutama dalam kalangan generasi kanak-kanak.

Berdasarkan dapatan ini, tradisi lisan seperti *uyu'* etnik Lundayeh mesti dipergiatkan kerana mengandungi pelbagai unsur bahasa selain melambangkan sosiobudaya, falsafah dan gambaran nilai masyarakat. Mengaplikasikannya merupakan suatu daripada usaha untuk mengupaya dan mengekalkan kosa kata bahasa yang semakin dilupakan agar terus diwarisi.

## **B. TAHAP BAHAYA DAN FAKTOR KETERANCAMAN BAHASA RESPONDEN**

Setelah memberi perhatian pada kosa kata arkaik golongan kata kerja dari *uyu' naso anak* responden. Seterusnya, pengkaji melakukan analisis tentang tahap bahaya dan faktor-faktor keterancaman bahasa responden dengan menggunakan skala keterancaman bahasa UNESCO (2009). Terminologi baharu ini adalah berdasarkan rangka kerja *Vitality* dan *Endangerment* Bahasa UNESCO yang menetapkan enam darjah daya hidup atau bahaya berdasarkan sembilan faktor. Daripada faktor-faktor ini, yang menjadi fokus kajian ialah penularan atau pengantaraan antara generasi.

### Jadual 3

#### *Tahap bahaya dan faktor keterancaman antara generasi*

<b>Tahap</b>	<b>Bahasa Pengantaraan antara Generasi</b>	<b>Pilihan Responden</b>	<b>Catatan</b>
Selamat	Sebuah bahasa itu dituturkan oleh semua generasi dengan tiada gangguan dalam penurunan bahasa antara generasi ke generasi		
Stabil namun terancam	Kebanyakan kanak-kanak boleh bercakap sesuatu bahasa itu tetapi mungkin terhad kepada domain tertentu (misalnya domain rumah)		
Pasti terancam	Kanak-kanak sudah tidak menggunakan bahasa ibu di rumah	A1, A2, A3, B1, B2, B3, C1, C2, C3	<b>Tahap Bahaya:</b> Pasti terancam. <b>Faktor:</b> Kanak-kanak sudah tidak menggunakan bahasa ibu di rumah.
Amat terancam	Sebuah bahasa itu hanya dituturkan oleh datuk dan nenek moyang, manakala generasi ibu bapa mungkin hanya memahaminya, mereka tidak bercakap kepada dengan anak-anak atau dalam kalangan mereka sendiri		
Terancam secara kritikal	Generasi penutur terdiri daripada datuk dan nenek dan generasi yang lebih tua dan mereka tidak menguasai bahasa ibu mereka dan menggunakan sebahagiannya sahaja.		
Pupus	Tiada lagi penutur yang tinggal		

Merujuk jadual di atas, tahap bahaya bahasa dan faktor keterancaman bahasa responden ditafsirkan sebagai pasti terancam dengan faktor “kanak-kanak sudah tidak menggunakan bahasa ibu di rumah”. Berdasarkan temu bual, semua responden menyatakan dan mengakui “kanak-kanak sudah

tidak menggunakan bahasa ibu di rumah". Responden A1, A2, A3, B1, B2, B3, C1, C2 dan C3 meletakkan pilihan tahap bahaya pada pasti terancam dengan faktor atau pengantaraan bahasa antara generasi adalah "kanak-kanak sudah tidak menggunakan bahasa ibu di rumah. Dari pada kerangka kerja ini, pengkaji akan dapat mengetahui beberapa maklumat seperti tahap atau skala bahaya bahasa yang dikaji dan dapat mengetahui faktor keterancaman bahasa melalui maklumat tentang bahasa pengantaraan antara generasi.

### **Tahap atau Skala Bahaya Bahasa**

Kerangka kerja UNESCO (2009) terdapat 6 tahap atau skala bahaya bahasa iaitu selamat, stabil namun terancam, pasti terancam, amat terancam, terancam secara kritikal dan pupus. Dengan pernyataan yang digunakan bagi menentukan tahap bahaya bahasa yang sangat jelas dan mudah difahami, telah memudahkan pengkaji mendapatkan hasil kajian atau keputusan. Merujuk kepada kajian yang dijalankan, tahap atau skala bahaya bahasa responden ialah pasti terancam. Sesuatu langkah perlu dilakukan supaya bahasa etnik Lundayeh dapat dikekalkan. Kedudukannya pada skala ini harus dikhawatir kerana kelalaian dan sikap tidak peduli sudah pasti akan menyebabkan kedudukan bahasa etnik Lundayeh akan terus terancam dan kemungkinan akan pupus.

### **Faktor Keterancaman Bahasa**

Bagi mengetahui faktor-faktor yang menjadi ancaman kepada bahasa kajian, kerangka kerja UNESCO (2009) telah menggariskan 6 kategori sebagai faktor ancaman bahasa iaitu melalui bahasa penularan dari generasi ke generasi. Pertama, sebuah bahasa itu dituturkan oleh semua generasi, dengan tiada gangguan dalam penurunan bahasa antara generasi ke generasi. Kedua, kebanyakan kanak-kanak boleh bercakap sesebuah bahasa itu tetapi ia mungkin terhad kepada domain tertentu (misalnya domain rumah). Ketiga, kanak-kanak sudah tidak menggunakan bahasa ibu di rumah. Keempat, sebuah bahasa itu hanya dituturkan oleh datuk dan nenek moyang, manakala generasi ibu bapa mungkin hanya memahaminya, mereka tidak bercakap kepada anak-anak atau

dalam kalangan mereka sendiri. Kelima, generasi penutur terdiri daripada datuk dan nenek dan generasi yang lebih tua dan mereka tidak menguasai bahasa ibu mereka dan menggunakan sebahagiannya sahaja dan keenam, tiada lagi penutur yang tinggal.

Merujuk kepada hasil kajian, jelas menunjukkan faktor atau punca keterancaman bahasa etnik Lundayeh di lokasi kajian adalah kanak-kanak sudah tidak menggunakan bahasa ibu di rumah. Hal ini disebabkan, kanak-kanak lebih memilih untuk menggunakan bahasa kedua seperti Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Generasi ibu-bapa dan datuk-nenek pula tidak menurunkan kemahiran bahasa ibu kepada kanak-kanak. Mereka cuma menggunakan bahasa ibu ketika berkomunikasi sesama generasi tetapi tidak kepada generasi kanak-kanak. Mereka berpendapat, kanak-kanak harus menguasai kemahiran bahasa akademik kerana penting bagi mereka untuk meneruskan pendidikan dan ketika bekerja kelak.

Selain mudah ditafsir, kerangka kerja ini dapat memberikan skala yang sangat jelas dan bermanfaat, terutama bagi pencarian untuk mempertahanan dan mengecam pergeseran bahasa. Melalui kajian yang dibuat, tahap dan faktor keterancaman bahasa responden sudah diketahui. Malah dengan faktor penularan yang dinyatakan, dapat dijadikan panduan untuk melakukan sebarang usaha pelestarian bahasa bagi membendung kepupusan bahasa tersebut.

## RUMUSAN

Setelah menjalankan kajian, dapatan kajian mendapati bahawa kedudukan bahasa Lundayeh responden kajian di Long Pasia adalah pada tahap pasti terancam kerana hasil kajian mendapati kanak-kanak sudah tidak lagi menggunakan bahasa ibu di rumah. Dapatkan ini sama seperti yang dinyatakan SIL (2017), yang menyimpulkan rata-rata bahasa ibunda tempatan Sabah berada pada tahap 6B, iaitu berada pada paras terancam apabila sebahagian generasi anak-anak tidak lagi menuturkan bahasa-bahasa ibunda tersebut tetapi memilih dan menggunakan bahasa lain dalam komunikasi. Kini, Bahasa Melayu telah menjadi bahasa utama yang digunakan dalam pertuturan sehari-hari bahkan dalam semua komunikasi

di pelbagai kegiatan dan tempat seperti di sekolah, di rumah, di gereja dan dalam program-program di kampung. Bagi memperkasakan bahasa Lundayeh supaya tidak terus terancam dan pupus, generasi datuk-nenek dan ibu-bapa mesti memperturunkannya kepada generasi kanak-kanak.

Usaha untuk memperkasakan bahasa minoriti perlu dilakukan sama ada oleh ahli politik, ahli bahasa dan institusi-institusi juga organisasi secara global kerana bahasa minoriti ini merupakan sebahagian daripada warisan negara. Usaha mendokumentasikan kosa kata arkaik yang dilakukan diharapkan akan dapat diteruskan kerana dokumentasi ini dapat digunakan sebagai rujukan pada masa akan datang. Tambahan lagi, kajian ini hanya merupakan kajian berskala kecil, iaitu cuma mengkaji kosa kata golongan kata kerja sahaja dari sebuah tradisi lisan etnik Lundayeh iaitu *uyu' naso anak*. Penulis mencadangkan agar kajian yang menyeluruh tentang kosa kata arkaik dari semua golongan kata dan dari pelbagai genre tradisi lisan Lundayeh diadakan pada masa depan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dilakukan dengan tajaan Kementerian Pengajian Tinggi di bawah kod projek FRGS/1/2018/WAB06/UMS/02/1, *Lundayeh Oral Tradition. Gendered Sounds and the Changing Cultural Landscape of Ulu Padas, Sabah*.

## RUJUKAN

- Abdul Said Ambotang & Raini Yusuf. (2018) *Amalan bilingual: Alternatif terbaik mengelakkan kepupusan bahasa ibunda*. Dipetik dari <http://eprints.ums.edu.my/21018/1/Amalan%20bilingual.pdf>
- Aripin Said. (2004). *Nyanyian rakyat khazanah bangsa yang hilang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1991). *Bahasa Melayu abad ke-16: Satu analisis berdasarkan teks Melayu 'Aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayan, E. (2015). Minority language loss: Socio-cultural and linguistic causes. *European Journal of English Language, Linguistics and Literature*, 2(1), 62-88.

- Bradley, D. & Bradley, M. (2002). Language endangerment and language maintenance. Routledge Curzon.
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1990). *Dialektologi* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong, S., Hendrikus, M., & Collins, J. T. (2018). Pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sabah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4), 61-80.
- Crain, J. B. (1970). *The Lundayeh of Sabah, East Malaysia: Aspect of marriage and social exchange*. Cornell University.
- Crystal, D. (2003). *English as a global language* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Crystal, D. (2008). *Think on my words: Exploring Shakespeare's language*. Cambridge University Press.
- Ethnologue. (2020). *Languages of the world*. Di petik dari <https://www.ethnologue.com/country/MY/languages>
- Fasol, R. W. (1984). The sociolinguistics of society. New York: Basil Blackwell
- Fishman, J. A. (1972). The sociology of language. Rowley, MA: Newbury House
- Hotma, Simanjuntak. (2017). Pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan Orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia. PhD thesis (Unpublished), University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
- Jayl Langub. (1992). *Lun Bawang oral literature: An overview*. Borneo Research Council Biennial International Conference. Kota Kinabalu.
- Lees, D. (1959). Lundayeh phonemic. *Sarawak Museum Journal* 9, 56-62.
- Majidi, A. (2013). English as a global language: Threat or opportunity for minority languages? *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 4(1), 33-38
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noraïsikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi. (2019). Peralihan bahasa Cham dalam masyarakat Cham di Malaysia: Analisis Sosiolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 19(2)
- Norjetta Julita Taisin. (2015). Aspek metafora dalam pantun (Sundawil) tradisional Kadazandusun dalam aspek percintaan dan kasih sayang. *Seminar foklor Nusantara. JKKN Perlis Indera Kayangan*
- P.H. Matthews. (1997). dalam *Oxford Dictionary of Concise Linguistics*
- Rahim Aman. (1997). *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk, dan Mualang*. M.A. thesis (Unpublished), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ricky Yakub Ganang, Ganit Sanai, Robert Taringan & Raymond Uta. (2016). Inventori budaya etnik negeri Sabah etnik Lundayeh. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.
- Ricky Yakub Ganang, Jane Wong Kon Ling & Kavitha Ganesan. (2018). Representation of Buayeh in the quality of life of the Lundayeh people. *Malaysia Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 169-184.

- Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan bahasa: Proses peralihan bahasa masyarakat Orang Asli Chewong. *Jurnal Melayu, Jilid 12(1)*
- Sa'adiah Ma'alip. (2019). Tahap keterancaman bahasa masyarakat Kreol di Melaka. *Akademika, 89* (Isu Khas/Special Issue) 109-123.
- SIL. (2017). *Language documentation*. Dipetik dari <http://sil.org/language-culture-documentation>
- S.M.D. Robert Y.W.P Taringan. (2008). Fonetik dan fonologi bahasa Lundayeh. *Jurnal Bahasa (DBP), 8(1)*, 104-131.
- S. Natesan. (2009). Arkaisme dalam bahasa Melayu: Suatu Tinjauan dari aspek kosa kata dalam teks klasik. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Suraya, S., Fatimah, S., Assis, K., & Sarip, A. (2019). Impak bencana gempa bumi terhadap kesedaran beragama masyarakat Kundasang dan Ranau. *Prosiding Persidangan Serantau Peradaban dan Etnik (PERSEP 2019), October 2019*, 107–115. [https://www.researchgate.net/publication/336846598\\_Proceeding\\_Persidangan\\_Serantau\\_Peradaban\\_dan\\_Etnik\\_2019](https://www.researchgate.net/publication/336846598_Proceeding_Persidangan_Serantau_Peradaban_dan_Etnik_2019)
- UNESCO. (2009). *Language vitality & endangered*. Dipetik dari <http://www.unesco.org/languages-atlas/>
- Vincent D'Silva. (2019). *Creating awareness of indigenous languages*. Dipetik dari <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/09/523023/creating-awareness-indigenous-languages>.
- Yansen T.P., & Ricky Y.G. (2018). Dayak Lundayeh Idi Lun Bawang, budaya serumpun di Dataran Tinggi Borneo. Penerbit Lembaga Literasi Dayak.

### **Informan Kajian**

- C3, (Generasi datuk-nenek), 65 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.
- C2, (Generasi datuk-nenek), 64 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.
- C1, (Generasi datuk-nenek), 61 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.
- B3, (Generasi ibu-bapa), 50 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.
- B2, (Generasi ibu-bapa), 45 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.
- B1, (Generasi ibu-bapa), 44 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.
- A3, (Generasi kanak-kanak), 17 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.
- A2, (Generasi kanak-kanak), 17 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.
- A1, (Generasi kanak-kanak), 16 tahun. Kampung Long Pasia, Sipitang, Sabah.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa  
(Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning)

**FRANK DAWAT YUSIA** ialah Pelajar Sarjana dalam Bidang Linguistik di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Beliau merupakan pelajar di bawah penyelia Dr Kavitha Ganesan (Ketua Projek), Prof. Madya Dr Jane Wong Kon Ling dan Prof. Madya Dr Anantha Raman Govindasamy.

**DR KAVITHA GANESAN**, merupakan pensyarah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau adalah dalam Kesusasteraan Pascakolonial (Postcolonial Literature in English) yang menjurus kepada Pengajian Gender. Bidang kajian beliau yang terkini merangkumi penyelidikan berkaitan masyarakat peribumi Lundayeh dalam konteks pascakolonial yang merangkumi sastera lisan, tradisi makan, dan sejarah lampau komuniti tersebut.

**PROF. MADYADR JANE WONG KON LING**, merupakan pensyarah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau adalah dalam Linguistik yang berfokuskan kepada Dialetkologi yang menjurus kepada Dialek Bahasa Melayu Sabah serta kajian berkenaan keterancaman dan kelestarian bahasa-bahasa ibunda di Borneo. Bidang kajian beliau kini adalah berkaitan dengan kelestarian bahasa etnik Lundayeh.

**PROF. MADYA DR ANANTHA RAMAN GOVINDASAMY**, merupakan pensyarah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Bidang pengkhususan beliau adalah politik Malaysia dan Asia Tenggara.

